

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 December 2015



MUHYIDDIN YASSIN bersama Dr. Mahathir Mohamad dan Shafie Apdal ketika majlis bersama Timbalan Presiden UMNO di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

Muhyiddin, Dr. Mahathir hadir Majlis Bersama Timbalan Presiden UMNO

UM - 8/12/2015

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin malam ini hadir dalam satu program dikenali sebagai Majlis Bersama Timbalan Presiden UMNO di Kelab Sultan Sulaiman di sini.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal.

Dalam ucapannya, Muhyiddin sekali lagi menyentuh mengenai

isu 1MDB, selain daripada mencadangkan agar jawatan presiden parti dihadkan kepada dua penggal bagi memastikan penyandangannya dapat melaksanakan tugas yang terbaik.

Beliau juga mencadangkan agar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berehat dengan mengambil cuti bagi membolehkan segala dakwaan berkaitannya termasuk isu 1MDB disiasat tanpa

campur tangannya.

"Kemudian kalau tidak terlibat, kita doa tidak terlibat, balikkah (bertugas) semula," katanya kepada kira-kira 2,000 orang yang menghadiri majlis tersebut.

Muhyiddin juga menyentuh mengenai kenaikan kos hidup pada masa kini yang menimbulkan keresahan rakyat.

Tun Mahathir turut menyampaikan ucapan dalam majlis itu.